



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 06 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Lembu berkeliaran resahkan penduduk

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	11

Lembu berkeliaran resahkan penduduk

SAUDARA PENGARANG,

SEJAK dua tahun lalu, saya berhijrah ke Seremban dan mendiami sebuah rumah sederhana yang agak selasa bagi kami sekeluarga.

Struktur rumah agak baik serta mempunyai kemudahan taman permainan untuk kanak-kanak beriadah dan kawasan sekeliling dijaga rapi.

Bagaimanapun, sejak dua bulan lalu, taman perumahan itu dicemari dengan kehadiran sekumpulan lembu yang meragut rumput di padang bola dan taman permainan tanpa kawalan oleh tuannya.

Tidak mahu menuding jari kepada sesiapa, pemilik haiwan ternakan itu seharusnya lebih peka kerana ia meninggalkan najis yang mencacatkan pemandangan dan menimbulkan bau kurang menyenangkan.

Bukan itu sahaja, kehadiran lembu di situ juga boleh

mengundang bahaya kepada penduduk yang menggunakan laluan untuk keluar masuk.

Anak-anak yang bermain di taman permainan pun tidak selesa dengan keadaan ini.

Saya difahamkan, isu ini bukan hanya berlaku di taman perumahan saya, tetapi di kawasan lain di sekitar Seremban serta Port Dickson.

Perkara itu telah diajukan kepada pihak berkuasa tempatan.

Ekoran itu, ada lembu terpaksa dilelong pihak berkuasa tempatan kerana dilepaskan tanpa kawalan di kawasan perumahan walaupun amaran telah diberikan.

Jadi, diharapkan selepas ini, pemilik lembu lebih peka dan carilah kawasan lebih sesuai dan selamat untuk memberi makan haiwan ternakan demi kebaikan bersama.

INSAN BIASA

Seremban, Negeri Sembilan



KEHADIRAN lembu yang berkeliaran tanpa kawalan meresahkan penduduk di Seremban.

Ayam telur naik 60 sen lagi, pembekal resah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

Ayam telur naik 60 sen lagi, pembekal resah

IPOH – Pembekal telur ayam terus mengeluh apabila harga ayam telur bakal dinaikkan oleh pembekal sebanyak 60 sen seekor bermula bulan hadapan.

Jurucakap syarikat pengeluar telur ayam bernama Goh berkata, kenaikan tersebut dimaklumkan syarikat pembekal kepada mereka dan pemain-pemain lain pada bulan lalu.

"Kali terakhir kenaikan harga ayam telur adalah pada Januari lalu apabila ia dijual RM3.60 seekor setelah ia dinaikkan sebanyak 50 sen daripada nilai terdahulu.

"Kini, kami dimaklumkan harga jualannya akan dinaikkan sebanyak 60 sen, menjadikan ia bakal dijual pada kadar RM4.20 seekor," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Goh berkata, pembekal me-

maklumkan bahawa kenaikan harga itu melibatkan dua varian ayam baru menetas (*day old chicks*) yang masing-masing akan menghasilkan telur berwarna coklat iaitu *hisex brown* serta *hisex tinted*.

Katanya, kenaikan harga tersebut sekali gus akan meningkatkan kos operasi syarikat pengeluar telur ayam kerana mereka terpaksa berbelanja lebih bagi membeli komoditi tersebut daripada pembekal.

"Syarikat-syarikat penternak ayam telur sendiri pun tak pasti sehingga bila situasi ini akan dihadapi (kenaikan harga ayam telur).

"Ini kerana, baru sahaja ayam telur naik harga pada Januari lalu, kini ia dinaikkan lagi oleh pembekal. Kos bagi bela ayam masih tidak turun," jelasnya.



PEMBEKAL mengeluh kenaikan ayam telur sudah naik dua kali sejak Januari lalu. -- GAMBAR HIASAN